

28/10/2003

Kraf tangan tempatan berpotensi dimajukan

Ahmad Fauzi Mustafa

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menyuarakan kekecewaan terhadap masalah yang dihadapi industri kraftangan tempatan apabila pengeluar kurang berkemampuan menghasilkan produk besar dalam masa singkat. Pengusaha kraf tangan tempatan hanya mampu membuat satu atau dua produk yang tidak cukup untuk pasaran.

Perdana Menteri, memberi contoh di mana seorang pembuat tongkat di Kubang Pasu, Kedah hampir pengsan apabila dimaklumkan seorang pembeli dari

Amerika Syarikat berminat untuk membeli 10,000 tongkatnya.

Ini kerana pembuat tongkat itu hanya mampu membuat dua atau tiga tongkat setahun. Fenomena itu sememangnya berlaku, tetapi sejauh mana serius dan kemampuan industri kraftangan tempatan menonjolkan jenama masing-masing untuk dipasarkan sama ada pada peringkat domestik atau antarabangsa?

Adakah rotan, mengkuang, ribu-ribu, logam, perak, batik, seramik dan kayu-kayan beridentiti Malaysia mampu bersaing dan memenuhi cita rasa pelanggan? Jika ada permintaan pula adakah pengusaha tempatan mampu untuk memenuhinya?

Ada yang menyifatkan kraftangan tempatan boleh dipasarkan secara meluas sama ada dalam atau luar negara, namun wujud beberapa rintangan yang melembapkan usaha itu.

Sikap pengusaha sendiri antara dikenal pasti menyebabkan usaha itu terbantut. Pengusaha perusahaan tenunan dan songket, Ahmed Kamel Hussein, 48, berkata kraf tangan tempatan mempunyai keunikan tersendiri yang tiada pada kraf dari negara lain.

Katanya, pengusaha kraf tangan tempatan sebenarnya boleh memasarkan produk masing-masing dengan lebih luas jika mereka mempunyai keyakinan dan kesungguhan ke arah itu.

Bagaimanapun, katanya, tidak dinafikan wujud masalah dan rintangan bagi melaksanakan usaha itu. Antaranya ialah keengganan pengusaha menggunakan teknologi, tidak berani dan menunggu kejayaan orang lain. Masalah lain ialah peraturan dan syarat ketat dalam penyediaan pekerja, lokasi, kilang dan pengeluaran dalam industri kraftangan.

Ahmed Kamel berasal Kota Bharu, Kelantan, berkata pengusaha tempatan juga tidak memikirkan strategi bagi memasarkan barangan mereka kerana terlalu mengharap promosi yang dilakukan oleh kerajaan atau agensi berkaitan dengannya.

Katanya, ini menyebabkan barangan mereka tidak dikenali atau tidak berada di pasaran secara menyeluruh.

Beliau yang berpengalaman lebih 15 tahun dalam industri kraftangan mengakui pihak berkaitan seperti Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan

Malaysia

dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia bekerja keras mempromosi industri kraf tangan.

Namun, katanya, masih ramai pengusaha enggan menggunakan teknologi seperti dalam bidang tenunan dan batik yang memperlihatkan industri itu masih berada pada takuk lama.

"Sifat sedemikian perlu dikikis jika ingin melihat kraf tangan tempatan

menonjol di peringkat antarabangsa. Kita sebenarnya memiliki kraf tangan yang hebat dan berkualiti. Yang penting ialah kesanggupan pengusaha tempatan membuat pelaburan dan berani menanggung risiko," katanya yang pernah mengikuti kursus tekstil di Bandung, Indonesia; kursus batik dan celupan di Jogjakarta, Indonesia dan kursus tenunan di India.

Ahmed Kamel, yang juga Tokoh Usahawan Kraf 2002, pada masa ini, membekalkan kain tenunan untuk pakaian Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Udara Brunei, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia serta kain pelekat untuk sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah kebangsaan agama.

Seorang pengusaha kraf tangan berasaskan habuk marmar, Adabiah Darus, 35, menyifatkan industri kraf tangan tempatan tidak akan pupus kerana mempunyai keunikan dan pasaran tersendiri.

Beliau mengakui ada sesetengah kraftangan sukar untuk dipasarkan, namun

ia tidak mungkin hilang begitu saja kerana boleh jadi barangan kraf tangan

secara bermusim.

"Contohnya, kraf tangan berasaskan habuk marmar juga mempunyai permintaan dan tempahan bermusim. Ini semua bergantung pada kekuatan mental dalam menguruskan perancangan strategik untuk pengurusan pasaran.

"Kita perlu mengetahui sasaran pasaran produk kita," katanya. Adabiah menerusi syarikatnya, Assent Crystal Craft Sdn Bhd, yang beroperasi di Alor Star, Kedah, mengeluarkan produk kraftangan berasaskan habuk marmar dalam bentuk hiasan dinding, seni khat, hiasan meja, replika dan arca hadiah perkahwinan.